



# Berita KUKUM

## LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI KE KUKUM

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkefli A. Hasan telah mengadakan lawatan kerja beliau ke Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada pada 22 Mei 2006. Lawatan ini diadakan untuk melihat dan meninjau kampus tetap KUKUM yang bertempat di Ulu Pauh. Selain daripada itu juga, beliau juga telah melawat Dewan Kapitol, makmal-makmal, kilang-kilang mengajar dan juga pusat ICT. Lawatan beliau turut ditemani oleh Rektor KUKUM, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Timbalan Rektor KUKUM ( Akademik dan Pengantarabangsaan) serta Timbalan Rektor ( Penyelidikan dan Inovasi) dan juga pegawai-pegawai Utama Universiti.

Selepas mengadakan sesi lawatan itu, satu taklimat khas telah diadakan di Dewan Kapitol KUKUM. Taklimat ini telah disampaikan oleh Rektor KUKUM sendiri. Menurut rektor, Penubuhan KUKUM sebagai sebuah IPTA yang ke -17, telah membuktikan bahawa negara amat memerlukan tenaga jurutera mahir yang mana dapat mengaplikasikan apa yang dibelajar. Maka teretuslah idea untuk menubuhkan universiti teknikal ini. Walaupun kolej universiti ini tidak mempunyai kampus tetap, namun dengan pelbagai program pengajian

yang telah ditawarkan dan pelbagai kemudahan yang disediakan mampu menarik minat pelajar untuk memilih KUKUM sebagai satu pusat pengajian yang terbaik di antara yang terbaik. Selain daripada konsep yang diperkenalkan iaitu berlandaskan konsep ' hands-on' dan lebih kepada praktikal adalah satu lagi konsep yang mampu menarik minat pelajar khususnya.

